



**PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN  
MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI**

(NO. PENDAFTARAN : 1192/PPM 005-02-13121956)

Masjid Albukhary Kariah Alor Malai

Jalan Langgar, 05460 Alor Setar, Kedah Darul Aman

**MESYUARAT AGUNG KE 65  
TAHUN 2025**

**3 MEI 2025**

**SABTU**

**9.00 PAGI**

**DEWAN MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI  
ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN**



<b>BIL</b>	<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
1	Notis Jemputan Mesyuarat Agung PKMAM ke 65 Tahun 2025	3
2	Agenda Mesyuarat	4
3	Ucapan Aluan Tuan Yang Dipertua PKMAM	5
4	Minit Mesyuarat Agung PKMAM ke 64 Tahun 2024	
	4.1 Minit Mesyuarat	7
	4.2 Daftar Kehadiran	13
5	Laporan Tahunan	
	5.1 Ahli Jawatankuasa PKMAM	16
	5.2 Mesyuarat Jawatankuasa	17
	5.3 Laporan Pelaksanaan Sistem e-Khairat	18
	5.4 Senarai Penerima Sumbangan Kematian 2024	19
6	Laporan Kewangan	
	6.1 Penyata Kewangan Tahun 2024	23
	6.2 Kunci Kira-Kira Tahun 2024	24
	6.3 Anggaran Penerimaan dan Pembayaran Tahun 2025	25
7	Pembentangan Usul	
	7.1 Pindaan Perlembagaan Fasal 4 Keahlian. (Fasal 4.8)	27
	7.2 Pindaan Logo PKMAM	27
8	Lampiran	
	8.1 Polisi dan Syarat Keahlian	29
	8.2 Panduan Pendaftaran Ahli dan Bayaran Yuran Tahunan	32
	8.3 Senarai Masjid dan Surau dalam Kariah Masjid Albukhary Alor Malai	34



# PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI

NO. PENDAFTARAN : 1192/PPM 005-02-13121956

MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI, JALAN LANGGAR, 05460 ALOR SETAR, KEDAH

Tarikh : 13 hb April 2025

Tuan/Puan,

Ahli Pertubuhan Khairat Kematian Masjid Albukhary Alor Malai (PKMAM)

## NOTIS MESYUARAT AGUNG PKMAM KALI KE 65 TAHUN 2025

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa mesyuarat tersebut akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 3 hb Mei 2025 (Sabtu)

Masa : 9.00 pagi

Tempat : Dewan Masjid Albukhary Alor Malai

### 2. Agenda Mesyuarat :

- 2.1 Aluan Setiausaha PKMAM.
- 2.2 Melantik Dua (2) orang Pencatat Minit Mesyuarat.
- 2.3 Ucapan Aluan oleh Tuan Yang Dipertua dan seterusnya menguruskan Mesyuarat Agung Kali ke 65.
- 2.4 Membentang dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung ke 64 Tahun 2024.
- 2.5 Membentang Laporan Tahunan 2024.
- 2.6 Membentang dan Mengesahkan Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2024.
- 2.7 Pemilihan Empat (4) Orang Ahli Jawatankuasa PKMAM Sesi 2025/2027.
- 2.8 Pemilihan Dua (2) Orang Pemeriksa Kira-Kira.
- 2.9 Membentang dan Membahaskan Anggaran Penerimaan dan Pembayaran Tahun 2025.
- 2.10 Membahaskan Usul-usul.
- 2.11 Ucapan Penangguhan Tuan Yang Dipertua.

3. Sekiranya terdapat sebarang usul, ianya hendaklah diserahkan ke Pejabat Pengurusan Masjid Albukhary Alor Malai sebelum 25 hb April 2025.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas.

.....  
(AHMAD SHUFNI BIN OTHMAN)

Setiausaha PKMAM



# PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI

NO. PENDAFTARAN : 1192/PPM 005-02-13121956  
MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI, JALAN LANGGAR, 05460 ALOR SETAR, KEDAH

---

## MESYUARAT AGUNG KALI KE 65 TAHUN 2025

3 HB MEI 2025

### ATURCARA MAJLIS:

9.00 pagi : Pendaftaran Kehadiran Ahli

9.30 pagi : Mesyuarat Agung Dimulakan

### AGENDA MESYUARAT:

1. Aluan Setiausaha PKMAM.
2. Melantik dua (2) orang Pencatat Minit Mesyuarat (seorang AJK dan seorang Ahli).
3. Ucapan Aluan oleh Tuan Yang Dipertua PKMAM dan seterusnya mempengerusikan Mesyuarat Agung Kali ke 65.
4. Membentang dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung ke 64 Tahun 2024.
5. Membentang Laporan Tahunan 2024.
6. Membentang dan Mengesahkan Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2024.
7. Pemilihan Empat (4) Orang Ahli Jawatankuasa PKMAM Sesi 2025/2027.
8. Pemilihan dua (2) Orang Pemeriksa Kira-Kira.
9. Membentang dan Membahaskan Anggaran Penerimaan dan Pembayaran Tahun 2025.
10. Membahaskan Usul-usul.
  - 10.1. Pindaan Fasal 4 Keahlian. (Fasal 4.8)
  - 10.2. Pindaan Logo Pertubuhan Khairat Kematian Masjid Albukhary Alor Malai.
  - 10.3. Usul dari Ahli (jika ada)
11. Ucapan Penangguhan Tuan Yang Dipertua.

## UCAPAN ALUAN TUAN YANG DIPERTUA



**TUAN HAJI MOHMAD NASRUDIN BIN ISMAIL**

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam keatas Baginda Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wassalam*, juga kepada ahli keluarga, para sahabat dan juga umat nya.

Segala puji dan syukur ke hadrat Ilahi atas keizinan-Nya, kita dapat mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 65 pada hari ini.

Pertubuhan Khairat Kematian Masjid Albukhary Alor Malai ini telah bermula dengan Pertubuhan Kebajikan Masjid Alor Malai, ditubuhkan pada 13 hb Disember 1956. Diatas keikhlasan dan kesungguhan generasi awal penubuhannya, ia masih kekal memberi manafaat kepada ahlinya sehingga hari ini. Semua ini adalah berkat keikhlasan, kerjasama dan sokongan semua ahlinya.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada barisan Ahli Jawatankuasa PKMAM yang telah berkhidmat dengan sepenuh ikhlas sepanjang tempoh sesi penggal 2023-2025.

Penambahbaikan yang telah dilakukan telah berjaya mengumpulkan rekod dan maklumat ahli serta tanggungan yang sehingga 31 Disember 2024 mencatatkan bilangan ahli yang berdaftar seramai 1575 orang.

Berdasarkan pada Buku Daftar Keahlian, dari tahun 2013 hingga 2023, terdapat 1700 orang ahli PKMAM yang berdaftar. Dari jumlah ini sebanyak 1315 orang ahli telah berjaya didaftarkan dalam Sistem e-Khairat. Selebihnya tidak dapat didaftarkan kerana maklumat keahlian yang tidak lengkap. Adalah menjadi keutamaan kita supaya pendaftaran semua ahli-ahli lama tersebut dapat dilakukan sepenuhnya pada tahun ini.

Akhirnya saya amat mengharapkan supaya sesi pemilihan Ahli Jawatankuasa yang baharu kali ini dapat dilaksanakan dengan baik. Pilihlah orang yang ada pengalaman, mempunyai komitmen dan professional untuk menerajui PKMAM kerana ianya akan menentukan kejayaan pertubuhan kita seterusnya.

---

# MINIT MESYUARAT AGUNG KE 64 TAHUN 2024

---

PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN  
MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 64 TAHUN 2024**  
**PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN**  
**MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI (PKMAM)**

---

Tarikh : 23 Februari 2024 (Jumaat)  
Masa : 9.00 pagi  
Tempat : Dewan Masjid Albukhary Alor Malai  
Kehadiran : 58 orang (termasuk 4 orang pemerhati)

**Agenda 1 : Aluan Setiausaha PKMAM**

Tuan Setiausaha memberikan ucapan aluan dengan memberikan laporan ringkas mengenai pelaksanaan Sistem e-Khairat:-

- i. Kos pembinaan sistem ini ialah sebanyak RM1,500 dan dibiayai sepenuhnya oleh pihak Masjid Albukhary. PKMAM hanya perlu menanggung sebanyak RM450 setahun untuk perkhidmatan Toyib Pay.
- ii. Antara kelebihan Sistem e-Khairat ialah membolehkan ahli dapat mengakses apa saja maklumat mengenai PKMAM dengan pantas.
- iii. Statistik keahlian yang berdaftar sehingga 31.12.2023 ialah seramai 547 orang melalui 14 buah Surau dalam Kariah Alor Malai.
- iv. Ahli lama yang mendaftar dengan e-Khairat mesti mengemukakan resit bayaran Yuran Tahun 2023 untuk tujuan pengesahan keahlian. Kegagalan menghantar resit (melalui WhatsApp) akan mengakibatkan kelewatan kepada proses pendaftaran tersebut.

**Agenda 2 : Melantik 2 orang Pencatat Minit Mesyuarat (seorang AJK dan seorang ahli)**

Tuan Setiausaha mencadangkan Tuan Haji Faridam bin Ahmad (AJK) dan Tuan Haji Mat Salleh bin Md Daud (Ahli) sebagai pencatat minit Mesyuarat Agung kali ini. Cadangan ini diterima sebulat suara oleh ahli yang hadir.

**Agenda 3 : Ucapan Aluan oleh Tuan Yang Dipertua PKMAM dan seterusnya mempengerusikan Mesyuarat Agung Kali ke 64.**

Tuan Yang Dipertua di dalam ucapannya antara lain menyebut:-

- i. Mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli yang hadir menunaikan tanggung jawab kepada Pertubuhan.
- ii. Beliau mengingatkan ahli mengenai tanggung jawab menjelaskan Yuran Tahunan bila tiba masanya kerana inilah sumber pendapatan utama Pertubuhan.

- iii. Hadiah atau derma kematian dulunya dibayar RM800 bagi kematian ahli atau pasangan, kini telah dinaikkan kepada RM1,000.
- iv. PKMAM telah membuat anjakan paradigma ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan memperkenalkan sistem perkhidmatan atas talian melalui Sistem e-Khairat. Semua ahli lama dimestikan mendaftar semula dengan sistem ini. Melalui sistem ini setiap ahli dapat menjelas yuran tahunan secara atas talian tanpa perlu berjumpa dengan bendahari. Begitu juga maklumat keahlian dan tanggungan, mudah untuk dikemaskini. Melalui sistem ini juga pengkalan data semua ahli dapat dikumpul.
- v. Di peringkat permulaan mungkin menimbulkan sedikit kesukaran bagi sesetengah ahli. Insya Allah sistem ini kelak akan lebih efisien dan memudahkan ahli-ahli untuk berurusan dengan PKMAM. Dalam masa terdekat dapat dilihat perkembangan dan kemajuan Sistem e-Khairat seperti yang dilaporkan oleh Setiausaha PKMAM sebentar tadi.

Agenda 4 : Membentang dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung ke 63

Tuan Setiausaha membentangkan Minit Mesyuarat Agung PKMAM kali yang ke 63 seperti yang terdapat dalam Buku Laporan Mesyuarat Agung kali ke 63 pada mukasurat 6 hingga 12.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Ahmad mencadangkan supaya Minit Mesyuarat tersebut diterima serta disahkan dan disokong oleh En. Dol bin Mohamad.

Mesyuarat sebulat suara mengesahkan Minit Mesyuarat Agung kali yang ke 63.

Agenda 5 : Membentang Laporan Tahunan 2023.

Tuan Setiausaha membentangkan Laporan Tahunan PKMAM Tahun 2023 seperti yang tercatat pada mukasurat 14-18.

Diantara kandungan penting yang dilaporkan;

- i. Senarai Ahli Jawatankuasa Sesi 2023/2025 beserta no. telefon dan alamat untuk kemudahan ahli berhubung.
- ii. Mesyuarat urusetia dan ahli jawatankuasa yang telah diadakan.
- iii. Laporan pelaksanaan Sistem e-Khairat serta statistik pendaftaran ahli lama dan baharu.
- iv. Senarai nama kematian ahli dan tanggungan serta bayaran hadiah kematian yang telah diberikan.

Mesyuarat sebulat suara menerima Laporan Tahunan PKMAM Tahun 2023.

Agenda 6 : Membenteng dan Mengesahkan Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2023.  
Tuan Bendahari membentangkan Penyata Kewangan berakhir 31 Disember 2023 seperti yang terdapat pada mukasurat 20 dan 21.

Jumlah Penerimaan Tahun 2023 : RM 89,476.06

Jumlah Pembayaran Tahun 2023 : RM 47,157.60

BAKI PADA 31 DISEMBER 2023	(RM)
Simpanan Bank Islam	96.37
Simpanan Bank Muamalat	131,569.60
Simpanan Tetap Bank Muamalat	133,749.59
Simpanan Tetap Bank Rakyat	50,000.01
Tunai di Tangan	2,239.45
<b>JUMLAH DANA TERKUMPUL</b>	<b>317,655.02</b>

Cadangan daripada Tengku Jasmi bin Tengku Abd. Rahman supaya Penyata Kewangan ini diterima serta disahkan dan disokong oleh Puan Faridah binti Din. Mesyuarat sebulat suara menerima Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2023 yang telah dibentangkan.

Agenda 7 : Membenteng dan Membahaskan Anggaran Penerimaan dan Pembayaran Tahun 2024.

Tuan Bendahari membentengkan Anggaran Penerimaan dan Pembayaran Tahun 2024 seperti yang terdapat pada mukasurat 22.

Anggaran Penerimaan Tahun 2024 : RM 74,400.00

Anggaran Pembayaran Tahun 2024 : RM 41,630.00

Mesyuarat berpuashati dan menerima sebulat suara Anggaran Penerimaan dan Pembayaran untuk tahun 2024.

Agenda 8 : Melantik 2 orang Pemeriksa Kira-Kira.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Ahmad mencadangkan Tuan Haji Ahmad bin Awang dan Tengku Jasmi bin Tengku Abd Rahman dilantik sebagai Pemeriksa Kira-Kira untuk tahun 2024.

Cadangan ini diterima sebulat suara oleh Mesyuarat.

Agenda 9 : Membahaskan Usul-usul.

9.1 Usul daripada Jawatankuasa

Tuan Setiausaha membentengkan usul Jawatankuasa yang mencadangkan pindaan Perlembagaan Pertubuhan Kebajikan Masjid Alor Malai seperti yang terdapat pada mukasurat 24 hingga mukasurat 26 serta Deraf Pindaan Perlembagaan pada mukasurat 28 hingga mukasurat 42.

9.1.1 Pindaan ini akan mengakibatkan bilangan Fasal bertambah kepada 21 Fasal berbanding dengan 18 Fasal yang didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) sebelum ini.

(a) 11 Fasal sediaada yang perlu kepada pindaan.

(b) 3 Fasal baharu telah ditambah.

(c) 7 Fasal sediaada dikekalkan.

9.1.2 Sebelas (11) Fasal yang perlu dipinda adalah;

(a) Fasal 1 : Nama

(b) Fasal 2 : Alamat dan Tempat Urusan

(c) Fasal 4 : Keahlian

(d) Fasal 5 : Sumber Kewangan

- (e) Fasal 6 : Wang Pentadbiran
- (f) Fasal 7 : Bantuan Kewangan (Khairat)
- (g) Fasal 8 : Syarat-syarat Bantuan
- (h) Fasal 9 : Jawatankuasa
- (i) Fasal 10 : Kewajipan-kewajipan Pegawai
- (j) Fasal 16 : Perkara Am
- (k) Fasal 17 : Pengamanah

9.1.3 Tiga (3) Fasal baharu telah ditambah;

- (a) Fasal 13 : Mesyuarat Jawatankuasa
- (b) Fasal 14 : Pemecatan Jawatankuasa
- (c) Fasal 21 : Lambang

9.1.4 Tujuh (7) Fasal sediaada yang dikekalkan.

- (a) Fasal 3 : Tujuan
- (b) Fasal 11 : Mesyuarat Agung Tahunan
- (c) Fasal 12 : Mesyuarat Agung Khas
- (d) Fasal 15 : Pemeriksa Kira-Kira
- (e) Fasal 18 : Tafsiran
- (f) Fasal 19 : Pindaan Perlembagaan
- (g) Fasal 20 : Pembubaran

Setelah dibahaskan, Tn. Hj. Mohd Nasir bin Hj. Shafie telah mencadangkan supaya Pindaan Perlembagaan ini diterima dan diluluskan. Cadangan ini disokong oleh En. Dol bin Mohamad.

Mesyuarat sebulat suara menerima dan bersetuju dengan Cadangan Pindaan Perlembagaan yang telah dibentangkan.

9.2 Tiada usul lain daripada ahli yang diterima

Agenda 10 : Ucapan Penangguhan

10.1 Ustaz Sulaiman Mat Akhir

Meminta ahli-ahli membayar yuran bila sampai masanya dan supaya Tuan Yang Dipertua sentiasa memantau urusan perbelanjaan supaya ianya lebih berhemah.

## 10.2 Tuan Haji Shaidun Shaari

- Kebanyakan perkhidmatan atau urusan Kerajaan mahu pun pihak swasta masakini tidak lagi menggunakan pembayaran tunai, sebaliknya menggunakan sistem atas talian seperti pembayaran hasil dan cukai, belian dan pinjaman, sewaan dan perkhidmatan serta berbagai lagi.
- Pihak pentadbiran PKMAM telah memberikan maklumat dan panduan mengenai kaedah dan tatacara penggunaan sistem Ekhairat melalui siaran kepada Surau-Surau dalam Kariah Alor Malai. Juga melalui hebahan pada hari Jumaat di Masjid.
- Di samping itu, bermula 20 Februari 2024 lalu hingga ke tarikh Mesyuarat Agung, PKMAM menempatkan Petugas Khas setiap hari di Pejabat Masjid Albukhary dari jam 12.30 tengah hari hingga masuk waktu solat zohor bagi membantu ahli-ahli berkaitan penggunaan sistem EKhairat.

## 10.3 Yang Dipertua, Tuan Haji Mohmad Nasrudin Ismail

- Memaklumkan bahawa Masjid Albukhary telah mengeluarkan perbelanjaan mengubah-suai bilik di bahagian belakang mihrab Masjid untuk dijadikan Pejabat Setiausaha dan Bendahari Masjid juga Pejabat Setiausaha dan Bendahari PKMAM. Semua ini bertujuan untuk memudahkan sebarang urusan berkaitan dengan ahli-ahli dan juga anak-anak kariah Masjid Albukhary Kariah Alor Malai.
- Kebiasaan Mesyuarat Agung sebelum ini, ahli-ahli diberikan wang suguhati kehadiran. Tetapi untuk kali ini pihak Masjid Albukhary turut menyumbang pek makanan untuk setiap kehadiran.
- Akhirnya Tuan Yang Dipertua mengucapkan terima kasih atas kerjasama ahli-ahli yang telah menjayakan Mesyuarat Agung kali ini dengan selamat.

Mesyuarat Agung PKMAM kali ke 64 ditangguhkan pada jam 11.20 pagi.

Pencatat Minit :

1. Tuan Haji Faridam bin Ahmad (AJK)
2. Tuan Haji Mat Salleh bin Md Daud (Ahli)

PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI (PKMAM)  
 MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 64 / 2024  
 PADA 23 FEBRUARI 2024 (JUMAAT, 9.30 PAGI)

DAFTAR KEHADIRAN

BIL	NAMA	ALAMAT	NO.AHLI
1	Shaidun bin Shaari	27-B, Lorong Shariff 7, Jalan Langgar	1257
2	Haji Rosli bin Rejab	No. 30, Taman Jelatek	1773
3	Saleh bin Yusof	Lot 17. Kampung Borhan	1681
4	Abdul Rahman bin Ahmad	No. 17, Taman Malai	1278
5	Abdul Rahman Ahmad	997 B, Taman Setia Berjaya	391
6	Faridam bin Ahmad	9 Taman Shahab	053
7	Abu Hassan bin Yahya	60 Taman Serindit	793
8	Siti Khadijah bt Ahmad	C9/8A Flat Taman Setia Jaya	1849
9	Fadzilah bt Othman	C 2/12C, Flat Taman Setia Jaya	
10	Zainab bt Don	T4/5E, Flat Taman Setia Jaya	1830
11	Abdul Manaff bin Yusof	2006 Taman PKNK	1077
12	Yahaya bin Shaari	178 Taman Mawar	1195
13	Rohani bt Nayan	1433 Taman Rakyat	1396
14	Pazlan bin Din	J3-2D Flat Taman Setia Jaya	1727
15	Mat Salleh bin Md Daud	21, Taman Cenderawasih, Alor Setar	613
16	Abd. Aziz bin Md. Daud	16B, KM 14, Jalan Sungai Petani	1054
17	Saidin bin Hj. Ahmad	No. 42, Taman Koperasi, Jln Tun Razak	662
18	Md Shariff bin Ismail	2107, Taman PKNK	226
19	Hj. Mhd Nasir bin Hj. Shafie	118A, Lorong 1, Kampong Borhan	1066
20	Mohd. Zainon bin Shafie	307 Taman Mewah, Alor Setar	1146
21	Mhd Zahari bin Radzi	34 Taman Cenderawasih	1643
22	Abdul Hamid bin Mohamad	266 Kampong Bakar Sampah	2258
23	Khalid bin Ismail	2016V, Lorong Uda 2, Taman UDA	861
24	Mohammad bin Abdul Razak	160 Taman Mawar	035
25	Zakaria bin Din	I2/12D Flat Taman Setia Jaya	1090
26	Tengku Jasmi bin T.A.Rahman	18 Taman Shahab, Alor Setar	1745
27	Rodziah bt Hamid	72 Taman Cenderawasih	1418
28	Haji Ahmad bin Haji Awang	2155, Taman PKNK	309
29	Hj. Mohd Zohir bin Mohd Saad	85 Taman Serindit	1067
30	Rashidi bin Ismail	34 Batu 3, Jalan Langgar	149
31	Maimunah bt Mohd Hassan	17 Taman Desa Kenangan	1714

BIL	NAMA	ALAMAT	NO.AHLI
32	Norbayah bt Baharom	604 Taman Nuri	1241
33	Malini bt Ismail	1 G Kampung Borhan	1766
34	Salmah bt Ahmad	141 Bt 2, Kg Tuan Bulat, Jalan Langgar	1802
35	Che Yun bt Osman	133 Kampong Burhan	956
36	Faridah bt Minal	Kampung Borhan	1583
37	Abd Naeem bin Tarmiji	79 Taman Shahab 2	1533
38	Dol bin Mohamad	207, Taman Mawar	2227
39	Mohd. Radzi bin Md Khalil	3005 Taman PKNK	1847
40	Azizah binti Said	3079 Taman PKNK	305
41	Hasniza bt Mohamad Ghazi	3024 Taman PKNK	1485
42	Siti Aishah binti Md Isa	3026 Taman PKNK	294
43	Selimah binti Mat	3028 Taman PKNK	108
44	Wan Hanisah bt Ismail	138 Bt 2 ¼ Jalan Langgar	73
45	Noraasmah bt Amir	Lot 2 Lorong 1, Kampong Burhan	
46	Hanisah bt Long	Lot 11C, Lorong 2, Kampung Borhan	775
47	Asma bt Sheik Ibrahim	Lot 27A, Kampung Borhan	1253
48	Jamaliah bt Mahmud	C/G 7A Flat Taman Setia Jaya	1822
49	Siti Nurbaya bt Muhd Khairul Kumar	C/G 7A Flat Taman Setia Jaya	
50	Faridah bt Din	76, Jln Waja 6, Taman Seri Menanti	1258
51	Che Chik binti Hussin	27 Kampong Burhan	
52	Sulaiman bin Haji Mat Akhir	94, Batu 3 Jalan Langgar	236
53	Sharifah bt Mohd Shariff	D 15 Taman Serindit Fasa 3	1854
54	Mohd Akir bin Ismail	24 Taman Malai	1213
55	Rahimah bt Bahari	Flat Taman Setia Jaya	919
56	Mohd Nasrudin bin Ismail	B26, Taman Serindit	1447
57	Ahmad Shufni bin Othman	1147 Taman PKNK	2205
58	Fauzi bin Ahmad	2935 C Taman Muhibbah Jalan Sultanah	2055

---

# LAPORAN TAHUNAN TAHUN 2024

---

PERTUBUHAN KHAIROT KEMATIAN  
MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI

## AHLI JAWATANKUASA SESI 2023/2025



### YANG DIPERTUA

Tn. Hj. Mohmad Nasrudin  
bin Ismail  
013-5844569

B26 Taman Serindit



### NAIB YANG DIPERTUA

Tn. Hj. Mohamad bin Abd.  
Razak  
019-4588170

160 Taman Mawar



### SETIAUSAHA

Tn. Hj. Ahmad Shufni bin  
Othman  
019-4546164

1147 Taman PKNK



### BENDAHARI

Tn. Hj. Saleh bin Yusof  
019-4177329

LOT 17 Kampong Burhan



### PENOLONG SETIAUSAHA

Tn. Hj. Shaidun bin Shaari  
012-4299605

27-B Lorong Shariff 7



### AHLI JAWATANKUASA

Tn. Hj. Faridam bin Ahmad  
019-4171616

NO.9 Taman Shahab



### AHLI JAWATANKUASA

Tn. Hj. Sulaiman bin  
Hj. Mat Akhir  
019-4049319

NO.94 Batu 3 Jalan  
Langgar



### AHLI JAWATANKUASA

Tn. Hj. Abu Hassan bin  
Yahya  
019-5008576

NO. 60 Taman Serindit



### AHLI JAWATANKUASA

Tn. Hj. Rosli bin Rejab  
013-5230026

NO.30 Taman Jelatik

## MESYUARAT JAWATANKUASA

### KEHADIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA TAHUN 2024

BIL	JAWATAN	NAMA	3 FEB	13 JUN	25 NOV
1	Yang Dipertua	Hj. Mohmad Nasrudin bin Ismail	√	√	√
2	Naib Yang Dipertua	Hj. Mohamad bin Abd. Razak	√	√	√
3	Setiausaha	Hj. Ahmad Shufni bin Othman	√	√	√
4	Bendahari	Hj. Saleh bin Yusof	√	√	√
5	Penolong Setiausaha	Hj. Shaidun bin Shaari	√	√	√
6	Ahli Jawatankuasa	Hj. Faridam bin Ahmad	√	√	√
7	Ahli Jawatankuasa	Hj. Sulaiman bin Hj.Mat Akhir	√	x	√
8	Ahli Jawatankuasa	Hj. Abu Hassan bin Yahya	x	√	√
9	Ahli Jawatankuasa	Hj. Rosli bin Rejab	x	√	√

√ : Hadir      x : Tidak Hadir

## LAPORAN KEAHLIAN DAN SISTEM e-KHAIRAT

1. Sistem e-Khairat adalah sistem maklumat keahlian Pertubuhan Khairat Kematian Masjid Albukhary Alor Malai. Dalam sistem ini terdapat maklumat ahli, maklumat tanggungan dan juga maklumat yuran tahunan. Melalui sistem ini, setiap ahli boleh mengemaskini maklumat keahlian, maklumat tanggungan dan juga menjelaskan yuran tahunan masing-masing.
2. Statistik ahli yang telah berdaftar dalam Sistem e-Khairat sehingga 31 Disember 2024.

Kawasan Masjid / Surau		Bil. Ahli (Kod Lama)	Bil. Ahli (Kod Baharu)	Jumlah
1	Masjid Attaqwa, Taman PKNK	128	47	175
2	Masjid Al Hasanat, Taman Shahab	147	28	175
3	Surau Nurul Iman, Taman Serindit	154	33	187
4	Surau Albukhary, Taman Mawar	16	6	22
5	Surau Asshariff, Lorong Shariff	33	4	37
6	Surau Al Ihsan, Taman Setia Berjaya	39	14	53
7	Surau Al Ihsan, Lorong Titi Siam	3	1	4
8	Surau Ibrahimiah, Kampong Borhan	145	56	201
9	Surau Darul Syifak, Taman Mutiara	67	21	88
10	Surau Taman Rakyat	89	10	99
11	Surau Alfalah, Taman Jaya	25	11	36
12	Surau Taman Jelatik / Rajawali	36	21	57
13	Surau Al Iman, Taman Alor Malai	7	4	11
14	Surau Taman Mahkota	1	1	2
15	Luar Kariah Alor Malai	425	3	428
<b>JUMLAH</b>		<b>1315</b>	<b>260</b>	<b>1575</b>

(Seramai 552 orang tiada nombor telefon)

3. Bilangan ahli lama PKMAM dalam Buku Daftar Keahlian dari tahun 2013 sehingga 18 Mac tahun 2023 adalah seperti berikut:

Jumlah keseluruhan ahli lama PKMAM	1700 orang
Berdaftar dalam Sistem e-Khairat	1315 orang
Belum berdaftar / Status tidak pasti	385 orang

4. Status Yuran Tahunan Ahli sehingga 31 Disember 2024.

Seramai 1167 dari 1960 orang ahli telah menjelaskan semua yuran tahunan.

Tunggakan Yuran Tahunan	Bilangan Ahli (orang)	Tunggakan (RM)
Satu Tahun (2024)	288	14,000.00
Dua Tahun (2023 dan 2024)	140	12,380.00
Tiga Tahun (2022 hingga 2024)	62	8,135.00
Melebihi Tiga Tahun	303	89,480.00

## SENARAI PENERIMA SUMBANGAN KHAIRAT KEMATIAN TAHUN 2024

### 1. KEMATIAN AHLI (Sumbangan Khairat RM 1,000)

BIL	NO.AHLI	TARIKH MENINGGAL	ALLAHYARHAM/ALLAHYARHAMAH
1	120	04/12/23	ISMAIL B DAUD
2	361	11/12/23	RAMANI BT JAAFAR
3	857	20/12/23	MOHD AZMI B AHMAD
4	489	21/12/23	ZULKIFLI B HASHIM
5	241	23/12/23	WAN SU BT YAHYA
6	920	18/01/24	SIAH BT YUNUS
7	450	12/02/24	MOHD ARIFFIN B ABDULLAH
8	1671	04/03/24	MUHAMMAD SYAHIR B AZMI
9	285	23/03/24	MAT ZUBIR B MURAD
10	536	31/03/24	YUSOFF BIN OTHMAN
11	484	18/05/24	AZIZAH BT AHMAD
12	1076	29/05/24	CHE AZMI B DIN
13	426	12/06/24	MAT SAAD B LEBAI MAN
14	253	26/07/24	ROBIAH BT MD NOOR
15	1497	26/07/24	SHHRIL B DAHAR
16	1201	01/08/24	CHE ASMA BT LAT
17	1776	03/08/24	CHE TIMAH BT MUSTAPA
18	1283	27/08/24	MOHD GHARIB B MOHD SALLEH
19	291	07/09/24	MARIAM BT ABDUL RAHMAN
20	588	17/09/24	OTHMAN B HASSAN
21	626	19/09/24	TIMAH BT ISMAIL
22	1312	12/10/24	MAHADI B HANAFI
23	144	28/10/24	BERKIS BT LONG
24	1086	30/10/24	ABIDIN B AHMAD
25	312	01/11/24	ABU BAKAR B ISMAIL
26	458	04/11/24	RAMLI B DAUD
27	261	12/11/24	RAMLAH BT DAUD
28	1085	17/11/24	ABD GHANI B ABU BAKAR
29	2055	30/11/24	FAUZI B AHMAD

2. KEMATIAN PASANGAN AHLI (Sumbangan Khairat RM 1,000)

BIL	NO.AHLI	TARIKH MENINGGAL	ALLAHYARHAM/ALLAHYARHAMAH
1	1546	20/11/23	FAUZIAH BT ISMAIL
2	881	01/01/24	ZALIHA BT AHMAD
3	1968	27/01/24	YUSOF B ISA
4	387	22/03/24	HAMID B AWANG
5	791	18/04/24	SELMAH BT MOHAMMED
6	543	28/04/24	PARIDAH BT HASHIM
7	1541	02/05/24	WAN MOHAMAD NOOR B WAN ABDULLAH
8	2074	06/06/24	AZMAN B AHMAD
9	1406	27/06/24	CHE FUZIAH BT MAD AKHIR
10	1821	11/07/24	ZURAYA NATRAH BT ZAINOL RASHID
11	506	30/07/24	SODAH BT AYUB
12	1325	01/08/24	TG IZHAR B TG YAACOB
13	84	14/08/24	BASHAH BT ABDULLAH
14	2167	20/09/24	MUSTAFA B MAHMUD
15	921	21/10/24	SITI ZAOYIAH BT MOHD SHARIFF
16	ALM-0236	17/12/24	KHAIRIAH BT MUHAMMAD KHAIR
17	1550	20/12/24	MOHD IZWAN B ABD RAHIM

3. KEMATIAN TANGGUNGAN AHLI (Sumbangan Khairat RM 200)

BIL	NO.AHLI	TARIKH MENINGGAL	ALLAHYARHAM/ALLAHYARHAMAH
1	897	09/10/23	SALMIAH BT GHAZALI
2	1854	09/11/23	MOHD SHARIF B LEBAI OTHMAN
3	1941	15/12/23	RASHID B ABDULLAH
4	1219	23/12/23	WAN SU BT YAHYA
5	1065	22/03/24	HAMID B AWANG
6	929	05/04/24	FATIMAH BT HAMID
7	1787	28/04/24	PARIDAH BT HASHIM
8	1167	07/05/24	ABU SEMAN B DON
9	1476	17/05/24	MARDZI BT ABU BAKAR
10	1718	18/06/24	KHAIROON BT SULAIMAN
11	185	18/06/24	AHMAD B ABDULLAH
12	2228	29/06/24	ISMAIL B DARUS
13	185	10/07/24	ASMA BT MURAD
14	1609	29/07/24	PAZILAH BT HUSIN
15	1900	05/08/24	JAAFAR B MD ALI
16	1739	06/08/24	BASHAH BT HASHIM
17	1615	10/09/24	NORLIN BT MAN
18	1616	19/09/24	TIMAH BT ISMAIL
19	1544	26/09/24	RAHMAH BT ABDULLAH
20	587	06/10/24	SAADAH BT MAT
21	1926	28/10/24	BERKIS BT LONG
22	306	08/11/24	BARIAH BT AWANG MECIK

---

# LAPORAN KEWANGAN TAHUN 2024

---

PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN  
MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI

**PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI**

NO. PENDAFTARAN : 1192/PPM 005-02-13121956

BANK MUAMALAT : 02060000416716

BANK ISLAM : 02011020179822

**PENYATA KEWANGAN DARI 1 JANUARI HINGGA 31 DISEMBER 2024**

**PENERIMAAN TAHUN 2024**

BIL	PENERIMAAN	JUMLAH (RM)
1	Daftar Ahli Baharu	1,240.00
2	Yuran Ahli Kelamin	47,250.00
3	Yuran Ahli Bujang	9,560.00
4	Yuran Tahun 2025 (Ahli Kelamin)	400.00
5	Yuran Tahun 2025 (Ahli Bujang)	120.00
6	Tunggakan Yuran Ahli Kelamin	1,970.00
7	Tunggakan Yuran Ahli Bujang	1,300.00
8	Sumbangan	55.00
9	Bayaran Dividen	1,641.90
10	Bayaran Dividen	1,659.00
11	Infak	14.00
12	Hibah Bank Muamalat	1,517.16
<b>JUMLAH PENERIMAAN</b>		<b>66,727.06</b>

**PEMBAYARAN TAHUN 2024**

BIL	PEMBAYARAN	JUMLAH (RM)
1	Bantuan Khairat Kematian Ahli	29,000.00
2	Bantuan Khairat Kematian Pasangan	17,000.00
3	Bantuan Khairat Kematian Tanggungan	4,400.00
4	Elaun Matan Bendahari	300.00
5	Mesyuarat Agung	1,350.00
6	Mesyuarat AJK	560.00
7	Saguhati Pengurusan	2,350.00
8	Juruaudit	100.00
9	Peralatan Pejabat	253.45
10	Caj Bank	69.00
11	Alatulis Dan Percetakan	196.74
12	Rekabentuk Logo	200.00
13	Buku Laporan Mesyuarat Agung	1,000.00
<b>JUMLAH PEMBAYARAN</b>		<b>56,779.19</b>

**PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI**

NO. PENDAFTARAN : 1192/PPM 005-02-13121956

BANK MUAMALAT : 02060000416716


BANK ISLAM : 02011020179822

**KUNCI KIRA-KIRA TAHUN 2024**


<b>BUTIRAN</b>	<b>RM</b>
<b><u>BAKI AWAL TAHUN 2024</u></b>	
1 Baki Awal Bank Muamalat	131,569.60
2 Baki Awal Bank Islam	96.37
3 Simpanan Tetap Bank Rakyat	51,604.39
4 Simpanan Tetap Bank Muamalat (AKAUN 1)	34,291.06
5 Simpanan Tetap Bank Muamalat (AKAUN 2)	104,945.48
6 Tunai Ditangan	2,239.45
7 Penerimaan Tahun 2024	66,727.06
<b>JUMLAH</b>	<b>391,473.41</b>

<b><u>BAKI AKHIR TAHUN 2024</u></b>	
1 Baki Akhir Bank Muamalat	143,157.68
2 Baki Akhir Bank Islam	96.37
3 Simpanan Tetap Bank Rakyat	51,604.39
4 Simpanan Tetap Bank Muamalat (AKAUN 1)	34,291.06
5 Simpanan Tetap Bank Muamalat (AKAUN 2)	104,945.48
6 Tunai Ditangan	599.24
7 Pembayaran Tahun 2024	56,779.19
<b>JUMLAH</b>	<b>391,473.41</b>


Kami yang bertandatangan dibawah mengesahkan bahawa segala butiran pendapatan dan perbelanjaan Tahun 2024 adalah betul dan benar.

  
(Hj. Ahmad bin Awang)

PEMERIKSA KIRA-KIRA 1

  
(Tengku Jasmi bin T. A. Rahman)


PEMERIKSA KIRA-KIRA 2

  
(Hj. Mohamad Nasrudin bin Ismail)

PENGERUSI

  
(Hj. Ahmad Shufni bin Othman)

SETIAUSAHA

  
(Hj. Salleh bin Yusoff)

BENDAHARI

**PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI**  
**MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI, JALAN LANGGAR, 05460 ALOR SETAR, KEDAH**

---

**ANGGARAN PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN TAHUN 2025**

**PENERIMAAN TAHUN 2025**

<b>BIL</b>	<b>PENERIMAAN</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
1	Bayaran Pendaftaran Ahli Baharu (200 orang x RM10)	2,000.00
2	Yuran Ahli Berkeluarga (1300 orang x RM50)	65,000.00
3	Yuran Ahli Bujang (200 orang x RM40)	8,000.00
4	Tunggakan Dari Yuran Berkeluarga (25 orang x RM50)	1,250.00
5	Tunggakan Dari Yuran Bujang (15 orang x RM40)	600.00
6	Hibah Simpanan Semasa	1,000.00
7	Hibah Simpanan Tetap	3,000.00
<b>JUMLAH PENERIMAAN</b>		<b>80,850.00</b>

**PEMBAYARAN TAHUN 2025**

<b>BIL</b>	<b>PEMBAYARAN</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
1	Hadiah Kematian Ahli (35 orang x RM1000)	35,000.00
2	Hadiah Kematian Pasangan (20 orang x RM1000)	20,000.00
3	Hadiah Kematian Tanggungan (25 orang x RM200)	5,000.00
4	Hadiah Kematian Dirumah Ahli (2 orang x RM100)	200.00
5	Elaun Pengerusi (1 orang)	250.00
6	Elaun Timbalan Pengerusi (1 orang)	200.00
7	Elaun Setiausaha (1 orang)	500.00
8	Elaun Penolong Setiausaha (1 orang)	400.00
9	Elaun Bendahari (1 orang)	1,000.00
10	Elaun Pengerusi Mesyuarat (1 orang)	50.00
11	Elaun Mesyuarat AJK (9 orang x 3 kali x RM20)	540.00
12	Pengecualian Yuran AJK (9 orang)	450.00
13	Mesyuarat Urusetia (4 orang x 3 kali x RM20)	240.00
14	Saguhati Perkhidmatan Juru Audit (2 orang x RM100)	200.00
15	Saguhati Pengerusi Mesyuarat Agung	50.00
16	Saguhati Pencatat Minit (2 orang x RM50)	100.00
17	Buku Laporan Mesyuarat Agung (70 x RM10)	700.00
18	Saguhati Kehadiran Mesyuarat Agung (60 orang x RM20)	1,200.00
19	Sistem e-Khairat	450.00
20	Pengurusan dan Pentadbiran	1,000.00
<b>JUMLAH PEMBAYARAN</b>		<b>67,530.00</b>

---

# PEMBENTANGAN USUL

---

PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN  
MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI

## USUL PINDAAN PERLEMBAGAAN

### PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI

#### 1. PINDAAN FASAL 4 : KEAHLIAN

##### 1.1. Perkara 8

Pasangan (Suami atau Isteri yang pertama) kepada ahli yang meninggal dunia boleh didaftarkan semula sebagai ahli (menyambung keahlian), walaupun umurnya melebihi 60 tahun. Syarat-syarat keahlian lain masih tertakluk kepada Perlembagaan Pertubuhan.



##### 1.2. Cadangan Pindaan

Pasangan (Suami atau Isteri yang pertama) kepada ahli yang meninggal dunia boleh didaftarkan semula sebagai ahli (menyambung keahlian), walaupun umurnya melebihi 60 tahun.

#### 2. PINDAAN FASAL 19 : BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA

##### 2.1. Perkara 2, Lambang PKMAM

Cadangan pertukaran lambang PKMAM

Lambang Semasa	Cadangan Lambang Baharu
	

##### 2.2. Keterangan

- Tulisan jawi, 'Khairat Alor Malai' bermaksud keahlian hanya kepada anak kariah Masjid Albukhary Alor Malai.
- Warna keemasan yang membawa maksud nilai yang tinggi.

2.3. Pertukaran kepada lambang ini dilakukan kerana bentuk yang sama ada digunakan oleh pertubuhan lain.

---

# LAMPIRAN

---

PERTUBUHAN KHAIROT KEMATIAN  
MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI



**PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI**  
**Masjid Albukhary Alor Malai, Jalan Langgar, 05460 Alor Setar, Kedah Darul Aman**

**No. Pendaftaran : 1192/PPM 005-02-13121956**

**<https://www.e-khairat.com/alormalai>**

**POLISI DAN SYARAT KEAHLIAN**

**1. MATLAMAT**

- 1.1. Memberi bantuan kewangan kepada ahli atau tanggungan ahli apabila berlaku kematian di antara mereka.
- 1.2. Menggalakkan anak-anak kariah melakukan kebajikan (khairat).
- 1.3. Melahirkan sifat tolong menolong dan kesederhanaan di antara satu dengan lain sesama Islam.

**2. KEAHLIAN**

- 2.1. Terbuka kepada penduduk Islam yang menetap dalam Kariah Masjid Albukhary Alor Malai, Alor Setar, Kedah.
- 2.2. Berumur dari 18 tahun sehingga 60 tahun semasa permohonan menjadi ahli.
- 2.3. Terdapat dua kategori keahlian:
  - (a) Kelamin / Keluarga (ada pasangan suami atau isteri)
  - (b) Bujang (termasuk duda atau janda)

**3. PENDAFTARAN KEAHLIAN**

- 3.1. Permohonan keahlian boleh dilakukan secara atas talian (online) melalui pautan :  
<https://www.e-khairat.com/alormalai>
- 3.2. Lengkapkan maklumat PENDAFTARAN AHLI dengan mengisi;
  - (a) Maklumat Ahli, Maklumat Lokasi/Taman, Kategori Ahli
  - (b) Maklumat Tanggungan Ahli
- 3.3. Permohonan keahlian yang berjaya akan dimaklumkan melalui E-mel.
- 3.4. Ahli yang berjaya perlu menjelaskan Bayaran Pendaftaran dan Yuran Tahunan untuk PENGESAHAN KEAHLIAN.
- 3.5. Ahli berhak mendapat bantuan selepas 3 bulan (90 hari) setelah DISAHKAN MENJADI AHLI.

#### 4. TANGGUNGAN AHLI

- 4.1. Isteri atau Suami Ahli
- 4.2. Anak-anak Ahli
- 4.3. Ibulapa Ahli
- 4.4. Ibulapa mertua Ahli
- 4.5. Anak-anak Ahli yang cacat

#### 5. TAMAT TEMPOH TANGGUNGAN AHLI

- 5.1. Apabila anak-anak mencapai umur 25 tahun.
- 5.2. Dikecualikan bagi anak-anak yang cacat (memiliki kad OKU yang sah).

#### 6. BAYARAN DAN YURAN KEAHLIAN

- 6.1. Bayaran Pendaftaran Masuk RM10.00
- 6.2. Yuran Tahunan Ahli Kelamin/Berkeluarga RM50.00
- 6.3. Yuran Tahunan Ahli Bujang RM40.00
- 6.4. Yuran Tahunan hendaklah dijelaskan sebelum akhir bulan Mac (3) setiap tahun.
- 6.5. Semua bayaran boleh dilakukan secara atas talian (secara FPX.) melalui pautan ;  
<https://www.e-khairat.com/alormalai>
- 6.6. Hak sebagai ahli akan hilang sekiranya yuran tahunan tertunggak lebih daripada satu (1) tahun.
- 6.7. Keahlian dengan sendirinya ditamatkan sekiranya yuran tahunan tertunggak lebih daripada dua (2) tahun tanpa sebarang sebab yang munasabah.

#### 7. MANFAAT BANTUAN KHAIRAT

Bantuan yang diberikan sekiranya berlaku kematian ahli atau tanggungan;

- 7.1. Kematian Ahli RM1,000.00
- 7.2. Kematian Pasangan Ahli RM1,000.00
- 7.3. Kematian Tanggungan Ahli RM200.00
- 7.4. Kematian dirumah ahli yang bukan dari tanggungan RM100.00

## 8. PERMOHONAN BANTUAN KHAIRAT

- 8.1. Borang Permohonan Bantuan Khairat boleh diperolehi melalui pautan ; <https://www.e-khairat.com/alormalai/document>
- 8.2. Permohonan Bantuan Khairat hendaklah dikemukakan melalui Bendahari atau Setiausaha dengan disertakan bersama :
  - (a) Sijil kematian asal berserta satu salinan sijil kematian
  - (b) Salinan bukti waris kepada simati (kad pengenalan, sijil lahir, sijil nikah)
- 8.3. Hanya nama yang didaftarkan dalam Sistem e-Khairat sahaja layak menerima manfaat/bantuan.
- 8.4. Tempoh permohonan bantuan luput selepas 6 bulan dari tarikh kematian.

### NOTA

1. KEAHLIAN dan MANFAAT adalah tertakluk kepada PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI (PKMAM)
2. Perlembagaan PKMAM boleh dimuat turun dari : <https://www.e-khairat.com/alormalai/document>



# PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI

NO. PENDAFTARAN : 1192/PPM 005-02-13121956

MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI, JALAN LANGGAR, 05460 ALOR SETAR, KEDAH

[www.e-khairat.com/alormalai](http://www.e-khairat.com/alormalai)

## PERMOHONAN & PENDAFTARAN KEAHLIAN



### PENGESAHAN AHLI LAMA

SILA HANTAR SALINAN RESIT  
YURAN TAHUN 2023 ATAU  
SEBELUMNYA UNTUK  
PENGESAHAN KEAHLIAN  
KE NOMBOR :  
019-454 6164

Sertakan bersama:

1. NAMA ANDA
2. NO. KAD PENGENALAN
3. NO. AHLI

**ANAK KARIAH** yang berumur  
antara **18 hingga 60 tahun** sahaja  
**LAYAK MEMOHON**

1. SCAN ME atau Taip 'Link' diatas.
2. Pilih **PENDAFTARAN AHLI**
3. Isi **MAKLUMAT AHLI**
4. Pilih **MAKLUMAT LOKASI/TAMAN**
5. Isi **ALAMAT RUMAH**
6. Pilih **KATEGORI AHLI**
7. Tekan Butang **SETERUSNYA**
8. Tekan Butang **TANGGUNGAN**
9. Isi **MAKLUMAT TANGGUNGAN**
10. Tekan Butang **SIMPAN**
11. Tekan Butang **TANGGUNGAN**  
(Untuk Tambah Tanggungan)
12. Tekan Butang **SETERUSNYA** (Bila Selesai)
13. Semak **MAKLUMAT** Yang Diisi
14. Tekan **SAYA BERSETUJU** Dengan **POLISI & SYARAT (SILA BACA)**
15. Tekan **KEMBALI** (Untuk Pembetulan)
16. Tekan **DAFTAR** (Untuk Pendaftaran)

### PERHATIAN

Permohonan **AHLI BAHARU** hanya akan diluluskan selepas mendapat pengesahan Anak Kariah dari Surau/Taman yang berkenaan.

KEAHLIAN dan MANFAAT adalah tertakluk kepada PERLEMBAGAAN  
PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI  
Sebarang pertanyaan, sila hubungi 019-454 6164 atau 012-429 9605



# PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI

NO. PENDAFTARAN : 1192/PPM 005-02-13121956

MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI, JALAN LANGGAR, 05460 ALOR SETAR, KEDAH

[www.e-khairat.com/alormalai](http://www.e-khairat.com/alormalai)

## BAYARAN YURAN TAHUNAN



### KAEDAH PERTAMA

1. **SCAN ME** atau Taip '**Link**' diatas.
2. Tekan Butang **LOGIN**
3. Masukkan **No. Kad Pengenalan**
4. Masukkan **Password**
5. Tekan Butang **LOGIN**
6. Tekan Butang **BAYAR SEKARANG** (BUTANG BERWARNA MERAH)
7. Masukkan **EMEL** (JIKA ADA)
8. Masukkan **NO.TELEFON**
9. Pilih **JENIS YURAN**
10. Tekan **BAYAR SEKARANG**
11. Pilihan **BANK ANDA**
12. Pilih **I AGREE TO THE TERMS...**
13. Tekan Butang **PROCEED TO...**
14. **LOGIN BANK ANDA & BAYAR**
15. Tekan **RETURN TO MERCHANTS SITE** bila Selesai.

### KAEDAH KEDUA

1. **SCAN ME** atau Taip '**Link**' diatas.
2. Pilih **STATUS BAYARAN**
3. Masukkan **NAMA** (RINGKAS)
4. Tekan Butang **CARIAN**
5. Pilih **NAMA ANDA**
6. Tekan Butang **BAYAR SEKARANG**
7. Masukkan **EMEL** (JIKA ADA)
8. Masukkan **NO.TELEFON**
9. Pilih **JENIS YURAN**
10. Tekan **BAYAR SEKARANG**
11. Pilihan **BANK ANDA**
12. Pilih **I AGREE TO THE TERMS...**
13. Tekan Butang **PROCEED TO...**
14. **LOGIN BANK ANDA & BAYAR**
15. Tekan **RETURN TO MERCHANTS SITE** bila Selesai.

**YURAN TAHUNAN** tuan/puan akan dikemaskini dalam Sistem E-KHAIRAT selepas bayaran berjaya dilakukan. Tuan/puan boleh melakukan semakan dengan melihat pada bahagian **STATUS BAYARAN**.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi **019-454 6164** atau **012-429 9605**



# **PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI**

NO. PENDAFTARAN : 1192/PPM 005-02-13121956

MASJID ALBUKHARY ALOR MALAI, JALAN LANGGAR, 05460 ALOR SETAR, KEDAH

---

Senarai Masjid dan Surau dalam Kariah Masjid Albukhary Alor Malai.

1. Masjid Attaqwa, Taman PKNK
2. Masjid Al Hasanat, Taman Shahab
3. Masjid Ghairu Jame' Manarul 'Abidin, Taman Rakyat
4. Surau Nurul Iman, Taman Serindit
5. Surau Albukhary, Taman Mawar
6. Surau Asshariff, Lorong Shariff
7. Surau Al Ihsan, Taman Setia Berjaya
8. Surau Al Ihsan, Lorong Titi Siam
9. Surau Ibrahimiah, Kampong Borhan
10. Surau Darul Syifak, Taman Mutiara
11. Surau Alfalah, Taman Jaya
12. Surau Taman Jelatik / Rajawali
13. Surau Al Iman, Taman Alor Malai
14. Surau Taman Mahkota